

Tun M sah calon Parlimen Langkawi

SINAR HARIAN

16 APRIL 2018

NURUL HIDAYAH HAMID

LANGKAWI - Pengerusi Pakatan Harapan (Harapan), Tun Dr Mahathir Mohamad diumumkan sebagai calon Harapan bagi kerusi Parlimen Langkawi.

Pengumuman dibuat Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan disambut tepukan gemuruh kira-kira 5,000 penyokong dalam Jelajah Harapan Langkawi di Bulatan Lapangan Terbang, Padang Matsirat, malam tadi.

Pengumuman terbabit menamatkan teka-teki berkaitan kerusi ditandingi mantan Perdana Menteri pada PRU14 nanti.

Terdahulu, Mahathir turut membuat pengumuman nama-nama calon bertanding bagi lima lagi kerusi Parlimen dan 14 kerusi Dun.

Pengerusi Harapan Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir diumumkan akan bertanding di kerusi Parlimen Jerlun dan Dun Jitra.

Penyandang Dun Anak Bukit, Datuk Ir Amiruddin Hamzah juga akan bertanding di dua kerusi, dengan mempertahankan kerusi Dun Anak Bukit dan bertanding di kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Calon bertanding di kerusi Parlimen Pendang adalah penganalisis politik, Wan Saiful Wan Jan, manakala Pengerusi Pergetah, Mohd Taufik Yaacob di Parlimen Baling dan anak bekas Menteri Besar Kedah, Allahyarham Tan Sri Sanusi Junid, Akhramsyah Muammar Ubaidah Sanusi untuk kerusi Parlimen Jerai.

Bagi kerusi Dun, antara calon diumumkan, ialah Datuk A. Aziz Mohamud (Ayer Hitam), Halimahton Saadiah Saad (Bukit Kayu Hitam), Mohd Aizad Roslan (Bukit Lada), Syed Fadzil Syed Embun (Kuala Nerang), Abdul Razak Khamis (Sungai Tiang) dan Mohd Nazari Abu Hassan (Jeneri).

Calon akan bertanding bagi Dun Bayu, ialah Abdul Rahim Kechik, manakala Mohd Saffuan Sabari di Dun Guar Chempedak.

Mejar (b) Annuar Abd Hamid akan bertanding di Tanjung Dawai, diikuti Datuk Azimi Daim di Dun Bandar Bahru, Mohd Firdaus Ahmad di Kuah dan Johari Bolat di Ayer Hangat.

© 2018 All Rights Reserved • Karangraf Group Media • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karangraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/tun-m-sah-calon-parlimen-langkawi-1.822667>